



جایتن آکام اسلام فیرا  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengurus  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(95 )

Tarikh: 17 Rabiulawwal 1447H  
10 September 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

**HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN  
PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM  
PERAK**

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	12 September 2025 / 19 Rabiulawwal 1447
Tajuk	Kesederhanaan Dalam Berpolitik

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan semua **Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "KESEDERHANAAN DALAM BERPOLITIK"

12 September 2025 / 19 Rabiulawwal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْ صَنِعْكُمْ وَإِيَّاهُمْ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "KESEDERHANAAN DALAM BERPOLITIK"

Firman Allah SWT:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا...﴾

Bermaksud: Dan demikian pula (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad), umat yang adil dan terpilih agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan supaya Rasul (Muhammad) akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu semua...

(Surah al-Baqarah ayat 143)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



'Politik' atau 'siasah', merujuk pada pengetahuan atau ilmu berkenaan kenegaraan dan pemerintahan. Politik juga ditakrif sebagai kelakuan, kebijaksanaan, kebolehan, tipu muslihat yang diamalkan oleh seseorang atau sesuatu pihak dengan tujuan untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu maksud, atau untuk menambah kuasa dan pengaruh.

Islam meletakkan politik tergolong dalam perkara *siyasah syar'iyyah*, iaitu segala bentuk pentadbiran dan kepimpinan yang tidak bercanggah dengan syariat, bertujuan membawa *maslahah* (kebaikan) serta menolak *mafsadah* (kerosakan). Imam al- Mawardi, dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* menyifatkan politik Islam sebagai *al-imamah al 'uzma* (kepimpinan agung) yang wajib untuk menjaga agama dan mengurus dunia, ujar beliau:

**الإِمَامَةُ مَوْضُوعَةٌ لِخِلَافَةِ النُّبُوَّةِ فِي حِرَاسَةِ الدِّينِ وَسِيَاسَةِ الدُّنْيَا بِهِ**

Bermaksud: "Kepimpinan itu diwujudkan sebagai pengganti kenabian dalam menjaga agama dan mentadbir urusan dunia dengannya."

### **Jemaah yang dilimpahi fadilat Ilahi,**

Bagaimakah peranan politik yang seharusnya untuk menjaga agama dan mentadbir urusan dunia?

**Pertama:** Politik wajib berdiri atas amanah dan keadilan. Tanpa amanah dan keadilan, segala matlamat asal politik tidak akan terlaksana. Politik seharusnya menjadi saluran untuk menegakkan kebenaran dan keadilan, menjauhi kezaliman, di samping mengangkat kemakmuran negara, Allah SWT berfirman:

**إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْرَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ...  
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْرَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ...**

Bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil..."

(Surah an-Nisa' ayat 58')



**Kedua:** Politik adalah saluran untuk menjaga kemaslahatan rakyat dan negara.  
Kaedah fiqh yang masyhur menyebut:

تَصْرِفُ الِّإِمَامِ عَلَى الرَّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Bermaksud: Keputusan pemerintah (mestilah) tertakluk kepada kemaslahatan (kebaikan) terhadap rakyat.

Politik bukan saluran untuk disalahgunakan bagi tujuan membina kemasyhuran diri, atau merebut jawatan atau mengumpul kekayaan peribadi. Ingatlah! Setiap jawatan politik yang disandang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Rasulullah SAW bersabda:

فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Bermaksud: "Pemimpin itu adalah penjaga, dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya"  
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

**Ketiga:** Berpolitik bertujuan mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Firman Allah SWT:

وَلَتَكُنْ مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: "Dan hendaklah antara kamu segolongan umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyebarluaskan Islam), dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan mencegah daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka itulah orang yang berjaya."

(Surah Ali Imran ayat 104)

**Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,**

Diperhatikan budaya berpolitik dalam kalangan sebahagian ahli politik di negara kita, begitu juga para pendukung dan penyokong, semakin menyimpang daripada matlamat asal. Perkataan dan perbuatan bersifat melampau, kini menjadi punca memecahbelahkan ummah. Tanpa memikirkan soal dosa,



berlaku secara berleluasa, perbuatan fitnah memfitnah, hina menghina, tohmah mentohmah, kerana sikap taksub dan kesetiaan membuta tuli terhadap pemimpin atau kumpulan, mengatasi kepentingan agama, negara dan ummah. Media sosial dijadikan gelanggang untuk menabur fitnah, memaki hamun, mengeji dan menghina lawan politik.

Berpolitik jangan sampai ke peringkat menghalalkan cara untuk mencapai matlamat, sehingga mencetuskan permusuhan, memutuskan silaturahim, dan memecahbelahkan rakyat yang pada akhirnya akan menggugat ketenteraman awam, serta kestabilan dan keselamatan negara.

Sikap melampau ditegah oleh Rasulullah SAW melalui sabda Baginda yang mafhumnya:

“Jauhilah kamu sikap melampau, kerana sesungguhnya yang membinasakan umat sebelum kamu ialah sikap melampau.”

(Hadis Riwayat Ahmad)

Imam Hassan al-Basri diriwayatkan berkata "Allah telah menjadikan agama ini berdiri di antara dua jangan; jangan melampau dan jangan cenderung kepada orang yang zalim"

Menelusuri sejarah, umat Islam pernah beberapa kali menghadapi detik hitam terkait kumpulan *khawarij* yang melampau dalam berpolitik. Malaysia turut menerima tempias kumpulan Jemaah Islamiah dan *Islamic State* yang berfahaman *ghuluw*. Kumpulan pelampau menjadikan politik sebagai wadah mengkafirkan lawan; seterusnya menghalalkan darah demi perjuangan mereka. Kumpulan yang berfahaman sebegini wajib dijauhi demi kelangsungan keamanan sesebuah negara.

Dibimbangi, umat Islam akan berpecah, hilang persaudaraan, hilang kekuatan, mudah diperalat musuh, bahkan mungkin kembali dijahah jika perbuatan melampau dalam berpolitik tidak segera dibendung. Kembalilah kepada roh Islam yang menyeru ummah membina ukhuwah dan silaturahim dalam semangat kasih mengasihani, tolong-menolong dan saling membantu.



Jemaah Rahimakumullah,

Mimbar mengingatkan empat perkara berikut;

**Pertama:** Politik adalah sebahagian daripada kehidupan umat Islam, namun mestilah berlandaskan syariat; bersifat amanah, adil, sederhana, dan menjaga perpaduan. Jangan taksub kepada individu atau kumpulan sehingga meminggirkan nilai agama.

**Kedua:** Ummah hendaklah berpolitik secara berhikmah, berakhhlak dan berhemah, mendahulukan kepentingan Islam, watan dan rakyat.

**Ketiga:** Bersifat sederhana. Jika menyanjungi sesuatu pihak atau seseorang, jangan bersifat terlalu taksub hingga tergelincir iman dan akidah; demikian pula jika membenci sesuatu pihak atau seseorang, jangan sampai ke tahap melakukan kezaliman. Kesetiaan bukannya kepada individu mahupun kumpulan, tetapi kesetiaan hendaklah pada kebenaran berlandaskan syariat yang dibawa Rasulullah SAW.

**Keempat:** Jadikan rumah-rumah Allah, masjid dan surau sebagai pusat ibadah, pusat ilmu dan pusat kemasyarakatan yang dapat mendamai dan menyatukan ummah dalam semangat ukhuwah, semangat persaudaraan Islam, bersilaturahim, berkasih sayang antara satu sama lain, meski memiliki fahaman politik yang berbeza.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. آمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَبَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْوَقَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَانَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنِ.

**Ya Allah! Ya Rabbulalamin!** Bimbing kami menjadikan politik sebagai wasilah untuk mengurus amanah dan tanggungjawab secara berhikmah dan bertanggungjawab. Jauhi kami daripada sifat melampau dan sifat taksub yang hanya menatihahkan keburukan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَإِشْكُرُوهُ عَلَىِ  
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.